

# 2 wanita kita dipenjara di Milan

Berita Harian 17/05/2010 MS 31

## Mangsa sudah jalani hukuman setahun ditipu rakan baik jadi keldai dadah

Oleh Hardi Effendi Yaacob  
dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnewsh@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Mei tahun lalu, dua sahabat berlepas ke kota fesyen Milan, Itali, seorang untuk membeli kain ditempah pelanggan, manakala seorang lagi sekadar menemaninya, namun kedua-duanya yang juga berjiran ditahan sebaik tiba di negara itu atas dakwaan menyeludup dadah.

Kedua-dua wanita itu, G Rasundri, 51, dan Darina Ibrahim, 44, dari Seri Kembangan, Selangor ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Malpensa, dipercayai diperangkap rakan baik mereka yang bekerja untuk sindiket dadah antarabangsa.

Sumber memberitahu *Berita Harian*, penahanan mereka mengejutkan banyak pihak kerana tidak mendapat liputan media sebelum ini, malah lebih menyedihkan kedua-duanya hampir setahun di penjara kota fesyen itu tanpa dibicarakan.

“Ta kes pertama seumpamanya membabitkan penahanan warga kita di sana, malah jenis dadah yang ditemui bersama mereka juga tidak lagi popular

di pasaran iaitu candu mentah atau lebih dikenali sebagai 'hashimi' di kalangan warga Itali.

“Daripada maklumat diperoleh, dadah itu dari Bangkok dan New Delhi ketika mereka singgah (transit) di kedua-dua bandar raya sewaktu dalam perjalanan ke Milan,” katanya.

Sumber berkata, kedua-dua rakan baik itu terkejut apabila ditahan pihak berkuasa lapangan terbang sebaik mesin pengimbas mengesan ada barangan mencurigakan tersembunyi dalam bagasi mereka.

“Pemeriksaan lanjut menemui cecair kekuningan (dibungkus plastik) disembunyikan dalam tali kulit beg mereka yang kemudian disahkan candu mentah. Dalam soal siasat dijalankan, kedua-dua wanita itu mengakui tidak mengetahui kandungannya.

“Mereka turut mengakui tidak tahu bagaimana ia boleh berada dalam beg berkenaan sehinggalah ditahan, selain memberitahu diminta membawa beg ke Milan oleh seorang wanita dikenali mereka,” katanya.

Beliau berkata, kes dua wanita itu menyedihkan kerana seorang daripada



**MUHD KHAIRUN (kanan)** berbual bersama ahli keluarga dua wanita yang ditahan oleh pihak berkuasa Milan di pejabat Biro Aduan Komuniti Pemuda Umno, di Kuala Lumpur, semalam.

mereka adalah ibu kepada enam anak yang bergantung kepada pendapatan hasil upah jahit, selain mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, Pengurus Biro Aduan Komuniti Pemuda Umno, Datuk Muhamad Khai-

run Aseh, berkata pihaknya sudah melantik dua peguam Itali untuk mewakili wanita terabit.

“Kita mahukan pembelaan yang terbaik bagi membuktikan mereka tidak bersalah. Kita sedang berusaha sebaik mungkin dan menunggu sebutan kes

supaya kedua-dua wanita terabit dapat dibicarakan secepat mungkin,” katanya.

Muhd Khairun turut menyeru agar mana-mana syarikat atau individu tampil menaja perbelanjaan agar keluarga kedua-dua wanita itu dapat bertemu dengan mereka.